

07 MAR 2003

Musa-Rombakan

BELUM MASANYA FIKIR SOAL ROMBAKAN KABINET, KATA MUSA

SEMPORNA, 7 Mac (Bernama) -- Pemangku Ketua Menteri Sabah Datuk Musa Aman berkata beliau belum lagi memikirkan soal rombakan dalam barisan kabinet negeri Sabah yang akan diketuainya apabila beliau secara rasmi mengambil alih jawatan Ketua Menteri Sabah pada 28 Mac ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah itu berkata buat masa ini beliau perlu menumpukan perhatian penuh terhadap tugas sebagai Pemangku Ketua Menteri.

"Sekarang ini saya memangku jawatan Ketua Menteri...saya sedang menjalankan tugas Ketua Menteri. Jadi isu berhubung pertukaran dan perubahan dalam kabinet belum timbul lagi," katanya kepada pemberita selepas melawat dan menyampaikan bantuan kepada mangsa kebakaran di Kampung Bangau-Bangau di sini, hari ini.

Musa, yang dinamakan sebagai pengganti Datuk Chong Kah Kiat dalam sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri negeri itu, kini memangku jawatan berkenaan kerana Chong, yang akan tamat tempoh dua tahun sebagai Ketua Menteri 27 Mac ini, sedang bercuti.

Musa, yang juga Menteri Kewangan, juga meminta semua pihak supaya tidak mempercayai apa-apa khabar angin berhubung lobi-melobi jawatan dalam kabinet negeri.

"Jangan buat spekulasi yang bukan-bukan, saya sendiri belum memikirkannya," katanya.

Musa juga mengumumkan bantuan sebanyak RM400,000 kepada mangsa kebakaran di Kampung Bangau-Bangau yang akan disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal-Ehwal Pengguna.

Dalam kejadian awal pagi Selasa lepas, lebih 4,000 penduduk hilang tempat tinggal akibat kebakaran yang memusnahkan 500 rumah di kampung berkenaan.

Sementara itu di KOTA KINABALU, Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Ukin ketika diminta mengulas isu rombakan kabinet negeri berkata: "...itu adalah hak Ketua Menteri setelah berbincang dengan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) untuk mengesyorkan siapakah jemaah menteri yang akan menganggotai kabinet beliau."

Beliau yakin Musa akan menggunakan kebijaksanaan dan pertimbangan sewajarnya kepada menteri yang sedia ada serta wakil rakyat yang berpotensi untuk memegang jawatan kabinet atau sebagai pembantu menteri, katanya selepas melancarkan Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) cawangan Sabah mewakili Ketua Menteri.

-- BERNAMA

JS MK RON